



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 16 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PATI JADI 'NELAYAN' TEMPATAN DIBERKAS	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	MANUFACTURING PLANT DEDICATED TO.. PLANTS	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3.	RM10,000 BAGI SEMUSIM, PENDAPATAN LUMAYAN 29 PETANI USAHAKAN TANAMAN TEMBIKAI SUSU DI PROJEK TANAMAN KELOMPOK HUTAN BANGGOL,KOTA BHARU.	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	NIKMATI SAYUR SEGAR DARI 'LADANG' SENDIRI	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.05.2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

Pati jadi 'nelayan tempatan' diberkas

Labuan: Seramai 16 pendatang asing tanpa izin (Pati) ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selepas didapati bekerja di atas bot perikanan tempatan secara haram, kelmarin.

Dalam operasi jam 11 pagi, pasukan APMM Zon Labuan yang menjalankan Op Pegar Laut mengesan bot berkenaan di kedudukan 24 batu nautika barat laut, Pulau Labuan. Pengarah Zon Maritim

Labuan, Kapten Maritim Nudin Jusoh berkata, bot nelayan tempatan berkenaan yang dikesan berada dalam keadaan mencurigakan ditahan untuk pemeriksaan.

Katanya, hasil pemeriksaan, pihaknya mendapati bot berkenaan dikendalikan 18 awak-awak termasuk tekong berusia 24 hingga 54 tahun.

"Seramai 16 awak-awak gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah dan disyaki malam.

"Bot berkenaan kemudiannya diiringi masuk ke Jeli Zon APMM Labuan, manakala se-

mua awak-awak ditahan untuk siasatan oleh Pegawai Penyiasat," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Nudin berkata, APMM juga akan bekerjasama dengan Jabatan Perikanan mengesan dan

mengambil tindakan terhadap pemilik bot kerana mengagajikan pekerja asing tanpa permit sah.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan sebarang pencabulan undang-undang Persekutuan.

Sehubungan itu, Nudin

berkata, orang ramai terutama masyarakat maritim dan pesisir pantai disarankan supaya membantu menyalurkan maklumat kepada Maritim Malaysia untuk tindakan penguatkuasaan.

"Masyarakat digalakkan supaya membantu melaporkan sebarang salah laku di laut ke Pusat Operasi Maritim Labuan di talian 087-428008 atau terus melalui talian kecemasan MERS 999," katanya.



Manufacturing plant dedicated to ... plants

SERDANG: Eating fresh, clean vegetables and herbs coming straight from a plant factory might soon be the norm.

The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), which built such a factory a few years ago, is set to expand research and development (R&D) into areas like energy efficiency and alternative energy, mechanisation and the Internet of Things (IoT).

Senior research officer Mohammad Abid Ahmad said prior to this, Mardi had conducted R&D on production systems, crop agronomy management, crop lighting, biological factor management, zero waste management, market research and product value chain.

"As the factory enters its fourth year of operation, we find that various R&D projects can be carried out from monitoring the vegetables grown here.

"As the plant factory technology is quite foreign and still new in the country, many technical elements need to be explored," he told Bernama.

Mohammad Abid said the idea to set up the plant factory came in 2012 when a local company, in collaboration with a company from Japan, expressed the desire to introduce such a system in the country.

The local company held discussions with Mardi to seek its cooperation to develop a pilot project before introducing it to farmers or individuals who were interested.

Mohammad Abid said Mardi then took the initiative to conduct R&D to develop a plant factory, which is a crop production system in a controlled environment that includes factors such as growth, lighting, irrigation, fertilisation, temperature, humidity and ventilation.

Currently, the 2,400sq m plant with a height of 20m is equipped with technology that can accommodate 16,000 vegetables at a time.

On the types of vegetables that are suitable



Food for thought: Mohammad Abid inspecting vegetables at the plant factory in Serdang. — Bernama

to be grown using the technology, he said research found that leafy vegetables and herbs were most suitable and able to survive under artificial lighting systems.

He said all the vegetables were placed under multi-coloured light-emitting diodes (LEDs) that could keep the crops free from pests and diseases.

"Among the suitable crops are lettuce, curly kale, mustard and oregano," said Mohammad Abid, who has served at Mardi for 15 years.

The Bioindustry Science graduate from Universiti Putra Malaysia also shared some of the advantages of vegetables grown at the factory, namely they will be free of pesticides and hygienic, and do not need to be washed prior to being cooked or eaten.

In addition, he said the vegetables also grew quickly and were ready to be harvested within 25 to 40 days.

"The number of crop rotations can also be increased from eight to 15 rounds a year. With this, the plant factory is able to ensure a sustainable food supply and does not depend on external weather conditions," he said.

Apart from the quality and productivity factors of the vegetables, he said the gardening conditions in the factory were also conducive, clean and comfortable for a modern farmer. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.05.2021	HARIAN METRO	XPRESI	37



RM10,000 BAGI SEMUSIM

Pendapatan lumayan 29 petani usahakan tanaman tembikai susu di Projek Tanaman Kelompok Hutan Banggol Kota Bharu.



HASHIM (kiri) bersama pekerja-penyeu mengutip buah tembikai susu.

AGRO

Olleh Hidayatidayu Razali
rencana@hmetro.com.my

Tanaman tembikai susu atau 'honey dew' mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai dan memberi pulangan lumayan kepada pekebun yang mengusahakannya.

Kebiasaannya buah ini dijual pada harga tinggi di pasaran runcit iaitu RM2.50 bagi sekilogram manakala RM1.20 sehingga RM1.80 sekilogram dijual kepada pemborong.

Bagi 29 petani di Projek Tanaman Kelompok Hutan Banggol Kota Bharu mereka rata-rata memperoleh pendapatan lumayan dengan purata melebihi RM10,000 bagi tempoh semusim.

Mereka mengusahakan tanaman tembikai susu di atas tanah seluas 24 hektar dengan purata seorang memperoleh tanah seluas 0.8 hektar.

Nor Nazuwa Ibrahim,

20, dia membantu bapanya, Ibrahim Hassan, 42, menanam tembikai susu sejak lebih lima tahun lalu. Katanya, tanah seluas 0.8 hektar itu mampu menghasilkan 20 tan tembikai susu bagi semusim.

"Tanaman tembikai susu ini mengambil masa selama dua bulan untuk mengutip hasil. Dalam tempoh setahun, kami menanam tanaman ini dalam tiga musim iaitu awal, tengah dan akhir tahun.

"Hasil tanaman ini akan dijual kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) atau kepada pemborong yang datang ke kebun dan secara runcit.

"Alhamdulillah, kebun kami mengeluarkan hasil yang banyak dan mampu menampung permintaan daripada Fama mahupun pemborong," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Anak ketiga daripada empat beradik itu berkata, penjagaan tembikai

susu juga tidak rumit kerana ia hanya perlu cukup air untuk membesar dan mengeluarkan buah yang manis.

Katanya, bermula membersihkan kebun, proses menanam, membaja dan mengutip hasil, dia bersama adik-beradik membantu bapa bagi memastikan ia berjalan dengan lancar.

"Saya bersama adik-beradik akan membantu ayah di kebun untuk menayakan tanaman ini.

"Alhamdulillah setakat ini, kebun kami mengeluarkan banyak hasil dan mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pembeli sama dalam negeri atau di luar Kelantan yang dipasarkan Fama.

"Kami juga tidak perlu bersusah payah mencari pasaran kerana sudah mempunyai pelanggan tetap yang akan membeli secara borong dari kebun," katanya.

DARI MUKA 37

Menurutnya, walaupun terpaksa bergelumang dengan tanah dan bekerja di bawah panas terik matahari, dia bangga kerana dapat membantu bapanya di kebun termasuk mengutip hasil buah masak.

"Pada musim tengkujuh pekebun di kawasan itu menggantikan tembikai susu dengan sayur-sayuran lain kerana air yang banyak tidak sesuai untuk menanam tembikai susu.

"Tidak rugi kita berbudi pada (tanah) kerana ia memberi pulangan yang tinggi. Saya bangga dapat turut menanam tembikai susu ini.

"Saya juga dapat belajar sekok-belok dalam bidang pertanian," katanya yang bekerja di sebuah kafe di bandar Kota Bharu.

Petani, Hashim Daud, 58, berkata, semua

PEKEBUN SALING MEMBANTU

Kebanyakan petani mempunyai pengalaman menanam tembikai susu sejak lebih 15 tahun lalu

pekebun di kawasan itu menanam tembikai susu. Hashim yang tinggal di Kampung Siteh berkata, petani di kawasan itu kebanyakan mempunyai pengalaman kerana rata-rata mereka menanam tembikai susu sejak lebih 15 tahun lalu.

"Saya mula menanam tembikai susu sejak 19 tahun lalu dan bersyukur kerana hasilnya dapat menyara keluarga.

"Tanah di kawasan ini sangat sesuai dengan tanaman tembikai susu kerana kawasan yang lapang dan dilengkapi kemudahan air.

"Kami hanya perlu menjaga tanaman ini supaya ia dapat mengeluarkan hasil yang banyak seterusnya menampung keperluan," katanya.

Menurutnya, purata hasil pendapatan petani di kawasan itu melebihi RM10,000 bagi musim ini. Katanya, jika polok mengeluarkan hasil yang banyak, pekebun akan memperoleh pendapatan yang lebih.

"Kebun di kawasan ini dapat berbuah lama kerana kami saling membantu terutama dalam menjaga tanaman," katanya.

NOR Nazura menunjukkan tembikai susu dihasilkan di Projek Tanaman Kelompok Hutan Banggol.



TANAMAN tembikai susu ditanam di atas tanah seluas 24 hektar dengan purata seorang memperoleh tanah seluas 0.8 hektar di Projek Tanaman Kelompok Hutan Banggol.



Tidak semua sayur-sayuran sesuai ditanam di kawasan rumah kerana jenis tanah yang berbeza.

Namun, bagi yang baru mencuba berkebun, ada beberapa jenis sayur-sayuran yang mudah untuk ditanam di sekitar rumah anda tanpa memerlukan jagaan rapi.

Antaranya, kacang botor yang menjadi kegemaran ramai untuk dijadikan sayur atau ulam.

Caranya mudah iaitu dengan menanam benih di dalam lubang sedalam kira-kira dua sentimeter dan ia akan bercambah antara 10 hingga 14 hari.

Pokok sayur jenis manjat secara mellit itu memerlukan kayu pancang atau junjung dan hasilnya boleh dikutip antara 10 hingga 12 minggu selepas ditanam.

Tomato juga mudah ditanam tanpa memerlukan ruang

Nikmati sayur segar dari 'ladang' sendiri



SAYUR pak choy tumbuh subur dalam bekas plastik di rumah.

yang luas.

Paling penting, tomato perlu mendapat sinaran matahari yang cukup selain

perlu disiram selalu bagi membolehkan ia membesar dengan sinat.

Sayur pak choy juga

menjadi pilihan ramai kerana ia mudah ditanam dan cepat dituai.

Hanya dengan menabur benih pak choy dalam bekas campuran tanah, anda dapat menikmati sayuran segar dari 'ladang' sendiri.

Namun, pastikan bekas berisi benih itu ditutup dengan plastik dan mendapat pancaran matahari mencukupi.

Selepas 10 hari, pindahkan pak choy ke kawasan lebih besar bagi membolehkan ia membesar. Sebagai bahan utama dalam masakan, cili juga sesuai ditanam di kawasan rumah dan tidak memerlukan penjagaan rapi seperti tanaman lain.

Ia mula berbuah dalam tempoh 75 hari dan boleh ditanam dalam pasu sahaja.



CILI antara tanaman yang sesuai ditanam di kawasan rumah.